

PHARMANIAGA THEOPHYLLINE EXPECTORANT

Theophylline/Glyceryl Guaicolate (50mg/30mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Theophylline Expectorant
2. Bagaimana Pharmaniaga Theophylline Expectorant berfungsi
3. Sebelum mengambil Pharmaniaga Theophylline Expectorant
4. Cara mengambil Pharmaniaga Theophylline Expectorant
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Theophylline Expectorant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Theophylline Expectorant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Theophylline Expectorant

Pharmaniaga Theophylline Expectorant digunakan untuk merawat asma dan bronkitis (radang saluran pernafasan yang membawa udara ke paru-paru).

Bagaimana Pharmaniaga Theophylline Expectorant berfungsi

Theophylline berfungsi dengan membuka laluan udara dalam paru-paru supaya udara boleh mengalir ke dalam paru-paru dengan mudah dan bebas. Ini membuatkan pernafasan menjadi mudah dan membantu mengurangkan kesesakan dada, sesak nafas dan masalah berdehit.

Guaifenesin bertindak sebagai ekspektoran dengan meningkatkan jumlah dan mengurangkan

kepekatan rembesan dari saluran pernafasan dibahagian trakea dan bronki. Ini seterusnya meningkatkan efikasi refleks batuk dan membantu menyingkirkan rembesan mukus tersebut.

Sebelum mengambil Pharmaniaga Theophylline Expectorant

-Bila tidak boleh mengambil

Pharmaniaga Theophylline Expectorant tidak patut diambil sekiranya anda mengalami alahan kepada:

- theophylline
- guaifenesin
- aminophylline
- mana-mana ramuan dalam sediaan ini seperti tersenarai dalam bahagian kandungan pada hujung risalah ini.

Sesetengah tanda-tanda tindakbalas alahan termasuklah:

- sesak nafas,
- pernafasan berdehit atau kesukaran bernafas
- bengkak pada bahagian muka, bibir, lidah atau bahagian badan yang lain
- ruam, kegatalan atau gegata pada kulit

Jangan mengambil atau memberi ubat ini kepada kanak-kanak selepas tarikh luputnya seperti yang tertera pada pek bungkusan ubat ini atau terdapat tanda-tanda bungkusan ubat ini sudah terbuka.

Sekiranya ubat ini sudah melepasi tarikh luput atau sudah rosak, sila kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda ada alergi/alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Mengandung dan menyusukan anak

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusukan bayi. Theophylline melintasi plasenta dan masuk ke dalam susu ibu. Doktor atau ahli farmasi anda akan membincangkan risiko dan faedah yang terlibat.

Sebelum mengambil ubat ini, pastikan doktor atau ahli farmasi anda mengetahui:

- anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi
- anda mengalami masalah jantung atau hati
- sekiranya anda mengambil minuman beralkohol atau menghisap rokok.
- sekiranya anda menghidapi sawan
- sekiranya anda sedang mengambil ubat-ubatan lain termasuklah ubat-ubatan yang dibeli tanpa preskripsi, sediaan herbal atau komplementari yang lain.
- sekiranya anda pernah mengalami tindakbalas alergik kepada ubat ini atau ubat-ubatan yang lain.

-Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan lain. Sesetengah ubat dan theophylline boleh mengganggu antara satu sama lain.

PHARMANIAGA THEOPHYLLINE EXPECTORANT

Theophylline/Glyceryl Guaicolate (50mg/30mg per 5ml)

Ini termasuklah:

- antibiotik seperti ciprofloxacin
- enoxacin atau *rifampicin*,
- ubat-ubatan digunakan untuk merawat ulser seperti cimetidine
- allopurinol
- propranolol
- mexiletine
- ubat-ubatan untuk merawat epilepsi atau sawan
- tacrine
- thiabendazole

Ubat-ubat tersebut boleh dipengaruhi oleh kesan Pharmaniaga Theophylline Expectorant atau mempengaruhi bagaimana ianya bertindak. Anda mungkin perlu menyelaraskan dos atau bertukar kepada ubat lain.

Anda juga perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengambil minuman beralkohol.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai maklumat tentang ubat-ubatan yang perlu anda elakkan atau berhati-hati semasa mengambilnya bersama-sama dengan ubat ini.

Cara mengambil Pharmaniaga Theophylline Expectorant

Ikutilah segala arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati. Arahan tersebut mungkin berbeza daripada risalah ini.

Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label ubat tersebut, bertanya kepada ahli farmasi, jururawat atau doktor anda bagi menjelaskan arahan tersebut.

Berapa banyak perlu diambil

Dewasa: 15 mL empat kali sehari

Kanak-kanak:

6-12 tahun: 15 mL empat kali sehari

2-6 tahun: 0.5 mL/kg untuk diambil empat kali sehari

Jangan memberi kepada kanak-kanak lebih kerap daripada setiap 6 jam.

-Bila perlu diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu diambil

Teruskan mengambil ubat ini selama mana doktor anda mengarahkannya. Anda harus meneruskan pengambilan ubat ini walaupun anda sudah berasa sihat.

-Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja teringat. Walaubagaimanapun, jika sudah menghampiri waktu untuk dos berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa tadi dan teruskan dengan dos yang berikut mengikut jadual pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dimakan itu.

-Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan terlalu banyak Pharmaniaga Theophylline

Expectorant boleh menyebabkan tekanan darah tinggi, degupan jantung tidak sekata, konvulsi, pernafasan terhenti (hilang fungsi bernafas) dan koma.

Semasa menggunakan Pharmaniaga Theophylline Expectorant

-Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya simptom anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan memeriksa keadaan anda dan akan memberitahu sama ada anda perlu meneruskan atau tidak pengambilan ubat ini.

Sekiranya anda akan mengambil ubat baru yang lain, beritahu doktor anda bahawa anda sedang mengambil Pharmaniaga Theophylline Expectorant.

Beritahu doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

Sekiranya anda hamil semasa mengambil ubat ini, beritahu doktor anda dengan segera.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Pharmaniaga Theophylline Expectorant untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disarankan kecuali atas arahan ahli farmasi atau doktor anda.

PHARMANIAGA THEOPHYLLINE EXPECTORANT

Theophylline/Glyceryl Guaicolate (50mg/30mg per 5ml)

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengurangkan dosnya tanpa memeriksa dengan doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera berat sehingga anda mengetahui kesan Pharmaniaga Theophylline Expectorant terhadap anda.

Berhati-hati semasa meminum alkohol atau menghisap rokok kerana ini akan mempengaruhi cara tindakan Pharmaniaga Theophylline Expectorant.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda tidak berasa sihat semasa mengambil Pharmaniaga Theophylline Expectorant. Ubat ini membantu kebanyakan orang tetapi ianya berkemungkinan memberi kesan sampingan pada sesetengah orang.

Semua ubat-ubatan akan menghasilkan kesan sampingan. Kadang-kadang kesan sampingan ini serius, kadang-kadang ianya tidak. Anda mungkin memerlukan pemerhatian perubatan sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan tersebut.

Jangan bimbang dengan senarai kesan sampingan berikut. Anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda sebarang permasalahan yang ada.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami masalah berikut dan ianya membimbangkan anda:

- loya, muntah, ketidakselesaan gastrousus
- sakit kepala
- kesukaran untuk tidur
- kemerahan, ruam kulit
- keresahan
- iritasi
- degupan jantung tidak normal
- tekanan darah rendah
- kadar pernafasan yang cepat
- darah dalam air kencing
- degupan jantung yang cepat atau tidak sekata

Sekiranya anda berasa tidak sihat atau menyedari sebarang kesan yang luar biasa atau yang anda tidak fahami, segeralah beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan-kesan sampingan selain daripada dalam senarai di atas mungkin juga berlaku pada anda, sekiranya ini terjadi pada anda segeralah beritahu doktor atau ahli farmasi yang merawat anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Theophylline Expectorant

Penyimpanan

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering di mana suhunya

sentiasa dibawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Keparasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melepasi tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya.

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Campuran jernih, tidak berwarna ke kuning pucat dengan rasa yang manis.

-Bahan-bahan kandungan:

Bahan-bahan aktif:

Pharmaniaga Theophylline Expectorant mengandungi (setiap 5ml) Theophylline 50mg, Guaiphenesin 30mg

Bahan-bahan tidak aktif:

Purified Water, Disodium Hydrogen Phosphate, Sugar, Methylparaben,

PHARMANIAGA THEOPHYLLINE EXPECTORANT

Theophylline/Glyceryl Guaicolate (50mg/30mg per 5ml)

Propylparaben dan *Sodium Saccharin*.

Nombor MAL:

MAL20000684AZ

Pengilang:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(60016-D),
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
(60016-D),
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

19/10/2015

Nombor siri:

BPFK(R4/1)081015/00351